

26 MAR 1997

Nik Aziz-Istana

NIK AZIZ MINTA RAKYAT LUPAKAN SENKETA KERAJAAN NEGERI DAN ISTANA

KOTA BAHARU, 26 Mac (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini meminta rakyat Kelantan melupakan isu pertelingkahan kerajaan negeri dan istana yang berlarutan sejak lebih setahun lepas dan menyifatkan hubungan itu telah diperbaiki dan semakin positif.

Bagi membuktikan kerajaan negeri ikhlas, beliau sendiri telah menulis surat memohon maaf kepada istana sekiranya ada kenyataan dan tindak tanduknya sebelum ini yang menyinggung perasaan Sultan, hingga mencetuskan salah faham.

Sehubungan itu beliau turut mengesahkan akan hadir pada Istiadat Menjunjung Duli di Istana Balai Besar di sini sempena Hari Keputeraan Sultan Kelantan yang ke-40 pada Ahad ini.

"Saya sendiri akan hadir dalam upacara itu untuk menjunjung sembah taat setia kepada Tuanku dan menyampaikan ucapan seperti biasa," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini.

Beliau juga menasihati rakyat supaya memastikan segala program yang telah disusun sempena sambutan Hari Keputeraan itu dijayakan dengan sempurna.

"Saya minta rakyat sambut perayaan ini seperti biasa ...malahan segala masalah yang timbul sebelum ini antara saya dan istana tolong ketepikan," katanya.

Kenyataan itu dibuat kerana beliau bimbang rakyat akan terpengaruh dengan berita negatif sebelum ini mengenai kekeruhan hubungan antara istana dan kerajaan negeri.

Kerajaan negeri sebelum ini mengumumkan peruntukan sebanyak RM300,000 bagi mengadakan pelbagai program sempena sambutan Hari Keputeraan selama enam hari itu.

Mengenai lawatan kerja sehari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kelantan pada 4 April ini, Nik Aziz berkata beliau mengalu-alukannya dan akan turut hadir bersama pemimpin-pemimpin negeri lain menyambut kedatangan Dr Mahathir.

Kedatangan Perdana Menteri itu penting kerana selain mengeratkan hubungan kerajaan negeri dan pusat, beliau juga akan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Keloil, anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan dan KUB dalam kerjasama Petrokimia di Bachok.

Sementara itu, Ketua Penerangan Umno Kelantan Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir hari ini berkata, lawatan kerja sehari Dr Mahathir Mohamad ke Kelantan menunjukkan beliau mengambil berat terhadap rakyat negeri ini.

Lawatan itu menunjukkan Dr Mahathir tidak mementingkan politik semata-mata dan sebaliknya mengutamakan kepentingan rakyat, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Bengkel Pelan Bertindak Mengenai Masalah Sosial peringkat Kelantan anjuran Jabatan Perpaduan Negara di sini, hari ini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa ketika mengumumkan lawatan Perdana Menteri itu berkata lawatan kali ini berbeza daripada sebelumnya kerana tiada atur cara politik disertakan. -- BERNAMA

ZI HJ PR